


Buku Panduan Pengurusan Program *SIPartner*

**Pelaksanaan Program
School Improvement Partner (SIPartner) -
Program Pembangunan
Prestasi Sekolah 2010 - 2012**



INSTITUT AMINUDDIN BAKI
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA





Buku Panduan Pengurusan Program *SIPartner*

Pelaksanaan Program
School Improvement Partner (SIPartner) -
Program Pembangunan
Prestasi Sekolah 2010 - 2012



INSTITUT AMINUDDIN BAKI
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Diterbitkan oleh

Jabatan Penerbitan & Dokumentasi
Pusat Dokumentasi & Sumber Pendidikan
Institut Aminuddin Baki
Kementerian Pelajaran Malaysia
Sri Layang 69000
Genting Highlands, Pahang
Tel: 03-6105 6100/Faks: 03-6105 6299
<http://www.iab.edu.my>
iab@iab.edu.my

Cetakan Pertama 2012

© Hak Cipta Institut Aminuddin Baki

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah, Institut Aminuddin Baki terlebih dahulu.

Pengurus Penerbitan

Siti Anidah Binti Mahadi

Reka bentuk & Reka letak halaman

PERCETAKAN WALINA

Pencetak

PERCETAKAN WALINA
No. 40, Jalan SC5/D,
Pusat Perindustrian Sg Chua,
43000 Kajang Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-87336950

**JAWATANKUASA PENULISAN
BUKU PANDUAN PENGURUSAN PROGRAM *SIPARTNER*
INSTITUT AMINUDDIN BAKI
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

PENAUNG

Dato' Hj Khairil bin Hj Awang
Pengarah Institut Aminuddin Baki

PENASIHAT

Dr. Jamil bin Adimin
Timbalan Pengarah Khidmat Latihan

Dr. Zainab binti Hussin
Timbalan Pengarah Khidmat Profesional

Tn. Syed Mohamad Al Adros bin Tuan Muning
Pendaftar

Pn. Hjh Rosnarizah binti Abdul Halim
Ketua Pusat Konsultasi dan Mentoring

En. Abdul Razak bin Abdul Rahim
Ketua Pusat Dokumentasi & Sumber Pendidikan

PENGHARGAAN

Jawatan Kuasa Kerja *School Improvement Program*
Kementerian Pelajaran Malaysia

Jawatan Kuasa Pelaksana *School Improvement Program*
Institut Aminuddin Baki

Ketua Pusat Konsultasi dan Mentoring
Ketua Pusat Pembangunan Organisasi
Ketua Pusat Pengurusan Teknologi
Ketua Pusat Pentaksiran Pendidikan
Ketua Pusat Penyelidikan, Penilaian dan ICT
Ketua Pusat Pembangunan Pengurusan Pendidikan
Ketua Pusat Kepimpinan dan Komunikasi Pendidikan

KETUA EDITOR

Pn. Hjh Rosnarizah binti Abdul Halim

EDITOR

En. Abdul Razak bin Alias
Dr. Noraziah binti Abdul Aziz

**TASK FORCE SCHOOL IMPROVEMENT PROGRAM
INSTITUT AMINUDDIN BAKI**

Pn. Rosnarizah binti Abdul Halim
Dr. Ahmad Rafee bin Che Kassim
Dr Sulaiman bin Hashim
En. Azami bin Ibrahim
Pn. Siti Zainun binti Zainuddin

URUS SETIA

Pn. Rosnarizah binti Abdul Halim
En. Abdul Razak bin Alias
Dr. Noraziah binti Abdul Aziz
En. Zakaria bin Embong
En. Sukumar a/l Subramaniam
Dr. Tan Siew Eng
En. Tan Hock Seng
En. Vasu a/l Muniandy

PEMBANGUN SISTEM PEMANTAUAN *SIPartner*

Dr. Ahmad Rafee bin Che Kassim
Dr. Sulaiman bin Hashim

Kata Alu-aluan Pengarah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia

Izinkan saya terlebih dahulu mengajak kita semua dengan seikhlas hati memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT. yang secara terus-terusan menghamparkan kasih dan sayang-Nya kepada kita semua warga pendidik di seluruh pelosok negara yang kita cintai ini.

Berkat kasih sayang-Nya, kita telah berjaya memperoleh kekuatan jiwa dan kudrat fizikal yang teguh dan jitu lantas berhasil membentuk modal insan masa akan datang negara yang kukuh dan teguh jati dirinya. Malah kita juga telah mampu membimbing rakan pendidik yang kurang berkeupayaan untuk sama-sama bergerak seiring ke arah masa depan pendidikan negara yang jauh lebih gemilang.

Selawat dan salam juga diberikan kepada junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w., keluarga dan para sahabat kerana berkat panduan hadis dan sunnah telah banyak membantu warga pendidik di negara ini bergerak lancar melaksanakan tanggungjawab mendidik dan membimbing anak bangsa mencapai kejayaan dalam kehidupannya di alam Malaysia yang aman dan makmur ini.

Alhamdulillah, setelah berusaha dengan begitu gigih tanpa rasa jemu, akhirnya penghasilan Buku Panduan Pengurusan *School Improvement Partner (SIPartner)* ini berjaya diterbitkan. Buku ini mendokumenkan usaha dan pendekatan yang digunakan oleh Institut Aminuddin Baki (IAB) dalam melaksanakan program *School Improvement Partner (SIPartner)* bersama para pemimpin sekolah-sekolah yang berada di band enam (6) dan tujuh (7), bermula dari bulan Mac 2010.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada warga kerja penerbitan buku ini kerana bukan sahaja berjaya menghasilkan buku yang amat bermakna kepada organisasi pendidikan negara tetapi juga atas segala usaha kalian merancang, menggerakkan dan melaksanakan Program *SIPartner* ini di sekolah-sekolah yang berada di band enam (6) dan tujuh (7) di seluruh Malaysia. Kajian juga dijalankan bagi mengena pasti sejauh mana peningkatan prestasi sekolah-sekolah yang terlibat dalam program ini. Sesungguhnya kejayaan menerbitkan siri pertama daripada tiga naskah tulisan tentang Program *SIPartner* ini, merupakan antara contoh iltizam warga IAB yang mendukung dan menobatkan visi serta misi IAB sebagai pusat kepimpinan pendidikan yang cemerlang dan gemilang.

Buku ini diharap akan dapat dijadikan panduan kepada usaha merealisasikan 11 anjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang antaranya adalah untuk menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa di semua sekolah di Malaysia; memastikan pemimpin berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah terutamanya di sekolah-sekolah berprestasi rendah dan sederhana dan mengupayakan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) serta sekolah dalam kerja-kerja utama pengurusan serta kepimpinan pendidikan negara.

Semoga buku ini juga dapat dijadi bahan sumber rujukan dan panduan utama kepada usaha-usaha peningkatan prestasi kepimpinan sekolah serta organisasi pendidikan Malaysia pada masa akan datang.

DATO' HAJI KHAIRIL BIN HAJI AWANG

Pengarah

Institut Aminuddin Baki

PRAKATA

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana usaha menghasilkan Buku Panduan Pengurusan *School Improvement Partner* (*SIPartner*) menjadi kenyataan. Buku ini mendokumentkan usaha dan pendekatan yang digunakan oleh Institut Aminuddin Baki (IAB) dalam melaksanakan program *School Improvement Partner* atau *SIPartner*.

Bermula Mac 2010, Jawatankuasa Pelaksana *SIPartner* IAB telah merancang dan merangka pelan pelaksanaan serta melatih pemimpin pendidikan yang terdiri daripada Pengetua Cemerlang, pegawai-pegawai JPN dan PPD serta pensyarah IAB. Seterusnya, mulai Julai 2010 seramai 303 *SIPartner* telah bergerak seluruh negara untuk melaksanakan *Leadership Coaching & Mentoring* (LCM) di 209 buah sekolah rendah dan 428 buah sekolah menengah.

Sepanjang tahun 2010 hingga 2012 *SIPartner* menghulurkan tangan membimbing pemimpin sekolah band enam dan tujuh. Mereka melangkah sederap bersama-sama *School Improvement Specialist Coaches* (SISC) yang diterajui oleh Bahagian Pendidikan Guru dalam membimbing guru-guru di sekolah yang tergolong dalam kumpulan yang sama. Usaha bersepada ini dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah dan Jabatan Pelajaran Negeri.

Buku ini merupakan siri pertama daripada tiga naskah tulisan tentang Program *SIPartner*. Siri Pertama, iaitu Buku Panduan Pengurusan *School Improvement Partner* (*SIPartner*) diharap akan menjadi rujukan dan dokumen pelaksanaan Program *SIPartner* bermula 2010 hingga 2012. Siri Kedua, iaitu Catatan Pengalaman *Coaching* dan *Mentoring* Kepimpinan *SIPartner* IAB yang

menceritakan bagaimana *SIPartner* mengaplikasikan latihan LCM yang diterima serta berkongsi pengetahuan dan pengalaman baharu yang diperoleh dalam mengaplikasikan Model LCM ketika melaksanakan LCM sepanjang tempoh ini. Manakala Siri Ketiga pula bertajuk Pencapaian dan Impak Program *School Improvement Partner* 2010 – 2012. Siri terakhir ini akan memaparkan pencapaian dan dapatan serta impak berdasarkan kajian yang sedang dijalankan ketika naskah ini diterbitkan.

Buku Panduan Pengurusan *School Improvement Partner (SIPartner)* ini akan menjadi dokumen rujukan dalam usaha memantapkan penambahbaikan sekolah selaras dengan hasrat yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 – 2025. Buku ini tidak akan berhasil tanpa usaha padu urus setia *SIPartner* IAB serta kerjasama semua *SIPartner* dan pemimpin sekolah yang terlibat dalam program ini.

Tiada gading yang tak retak. Selagi namanya buatan manusia tentu ada kelemahan. Oleh itu, kami mengalu-alukan sebarang komen dan cadangan.

ROSNARIZAH ABDUL HALIM

Editor

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
Elemen Utama SIP	2
Pembangunan Organisasi Pendidikan	2
MATLAMAT	4
OBJEKTIF	4
INISIATIF/STRATEGI	5
KERANGKA PELAKSANAAN	6
KEMAHIRAN SIPARTNER	7
PELAKSANAAN PROGRAM SIPARTNER 2010 – 2012	9
Persediaan SIPartner	9
Kursus SIPartner dengan Pemimpin Sekolah – Lawatan Bimbingan	11
Refleksi dan Pelaporan	11
CARTA ALIR PELAKSANAAN PROGRAM SIPARTNER	12
MODEL COACHING AND MENTORING LEADERSHIP (LCM) SEMASA LAWATAN BIMBINGAN KE SEKOLAH	13
PELAKSANAAN DAN PENCAPAIAN	17
PELAPORAN	27

**SCHOOL IMPROVEMENT PARTNER
PROGRAM PEMBANGUNAN PRESTASI SEKOLAH
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

PENGENALAN

YAB Tan Sri Muhyiddin bin Haji Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran pada 2 Mac 2010 semasa mesyuarat *Delivery Task Force* NKRA telah bersetuju supaya program Pembangunan Prestasi Sekolah dilaksanakan mulai bulan Mac 2010. Program Pembangunan Prestasi Sekolah atau *School Improvement Programme* (SIP) adalah usaha komprehensif dan bercita-cita besar bagi mencabar, memotivasi dan membantu semua 9,996 sekolah yang melibatkan 7,714 sekolah rendah dan 2,282 sekolah menengah ketika itu, untuk meningkatkan pencapaian murid – terutama sekolah yang berprestasi rendah.

- a. SIP ialah pemacu kritikal NKRA dan menyokong inisiatif Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT). SBT menaikkan tahap kecemerlangan sekolah, manakala SIP merapatkan jurang antara sekolah yang berprestasi rendah.
- b. SIP ialah kesinambungan daripada Tawaran Baru kepada Pengetua/Guru Besar untuk membantu dan memotivasi semua sekolah bagi meningkatkan pencapaian semua murid terutama mereka yang berprestasi rendah.
- c. Bagi memenuhi hasrat “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” – satu perubahan secara konservatif dan peningkatan secara biasa tidak lagi menarik perhatian.

Elemen Utama SIP

Terdapat tiga elemen utama SIP, iaitu

- a. Penarafan sekolah berdasarkan Skor Komposit terdiri daripada Gred Purata Sekolah (GPS) dan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) yang menarafkan sekolah kepada tujuh (7) band pencapaian.
- b. Perancangan dan *toolkit*: mengumpul maklumat keperluan khusus sekolah bagi merancang pelan tindakan yang sesuai.
- c. Khidmat sokongan *S/P*: menyalurkan sokongan daripada Kementerian terus kepada sekolah terutama sekolah berprestasi rendah.

Kementerian Pelajaran Malaysia perlu menjana dan meningkatkan pemahaman terperinci mengenai keperluan, kebertanggungjawaban, pemantauan dan sokongan berterusan untuk sekolah. Sebagai satu usaha bagi membangunkan organisasi sekolah-sekolah yang berada dalam band enam (6) dan tujuh (7), intervensi pendekatan ***Coaching* dan *Mentoring* Kepimpinan** (atau ***Leadership Coaching and Mentoring (LCM)***) telah digunakan melalui program yang dinamakan sebagai ***School Improvement Partners*** atau ***SIPartner***.

Pembangunan Organisasi Pendidikan

Setiap organisasi pendidikan adalah berbeza daripada aspek kepimpinan, iklim dan persekitarannya. Pendekatan latihan dan pembangunan sedia ada sering dilaksanakan secara berpusat. Pendekatan latihan sebegini memisahkan pemimpin sekolah (*coachee*) daripada konteksnya lalu menghasilkan jurang dan masalah yang menghalang peningkatan prestasi organisasi pendidikan tersebut. Pendekatan **pembangunan organisasi** (***organization development***) yang menjurus kepada pemahaman konteks organisasi diperlukan bagi merapatkan jurang tersebut.

Pendekatan pembangunan organisasi dalam konteks organisasi merupakan suatu strategi yang mengandaikan organisasi sebagai unit perubahan. Untuk memastikan keberkesanannya pembangunan organisasi, perancangan dan pelaksanaannya perlu dibangunkan dari dalam organisasi tersebut sendiri.

Dalam konteks IAB, pembangunan organisasi (PO) adalah pembangunan kepimpinan pendidikan yang bertujuan meningkatkan prestasi organisasi melalui proses perubahan organisasi yang sistematik dan dilaksanakan dalam persekitaran kerja. Pembangunan organisasi khususnya memberikan fokus utama kepada peningkatan tahap prestasi organisasi dan hubungkaitnya dengan individu. Contoh program PO yang dilaksanakan di Institut Aminuddin Baki (IAB) ialah Program Pembimbing Penambahbaikan Sekolah atau School *Improvement Partner (SIPartner)*. Selain program *SIPartner*, IAB juga mengadakan Program Organisational Development atau PrOD khusus bagi sekolah-sekolah dalam band tiga dan empat serta School Performance Development Program atau SpeeD-uP khusus bagi memperkasakan sekolah-sekolah dalam band lima.

Berasaskan keperluan semasa peningkatan prestasi sekolah, pihak Jawatankuasa Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menerusi IAB, telah merangka dan melaksanakan satu program PO iaitu program *SIPartner* khusus untuk sekolah-sekolah yang berada dalam band enam (6) dan tujuh (7).


IAB sebagai pembimbing PO berperanan memantau peningkatan prestasi sekolah secara menyeluruh menggunakan pendekatan **LCM** sama ada melalui aktiviti lawatan bimbingan tindak susul dan tindak ikut yang dilaksanakan secara tetap dan berkala ke organisasi yang terlibat ataupun secara maya menggunakan Portal e-Pembelajaran dari semasa ke semasa. Pendekatan-pendekatan ini akan menghasilkan penilaian impak berdasarkan hasil pencapaian pembelajaran murid yang lebih tepat mengikut kedudukan dan kemampuan organisasi terlibat secara yang merupakan tahap tertinggi pengukuran impak latihan dan pendidikan langsung.

MATLAMAT


School Improvement Partners (SIPartners) membantu meningkatkan prestasi sekolah.

OBJEKTIF

- a. Mengurangkan peratus sekolah rendah dalam band enam (6) & tujuh (7) kepada 1.0 peratus pada tahun 2012.
- b. Mengurangkan peratus sekolah menengah dalam band enam (6) & tujuh (7) kepada 5.0 peratus pada tahun 2012.



Gambar Rajah 1: Graf Unjuran Peratus Sekolah Rendah (SR) Keluar Band 6 & 7, 2010 - 2012




Gambar Rajah 2: Graf Unjuran Peratus Sekolah Menengah (SM) Keluar Band 6 & 7, 2010 - 2012

INISIATIF/STRATEGI

- a. Menggunakan pendekatan *Coaching and Mentoring Leadership* (LCM) bagi membantu pemimpin sekolah membangunkan profesionalisme dan seterusnya membangunkan organisasi.
- b. Mengadakan pertemuan di sekolah sebagai usaha membangunkan profesionalisme pemimpin sekolah berdasarkan tempat kerja.

KERANGKA PELAKSANAAN



Gambar Rajah 3: Kerangka Pelaksanaan Program *SIPartner*


Gambar rajah 3 menunjukkan kerangka pelaksanaan program *SIPartner* yang bermula dengan persediaan kepada semua *SIPartner* bagi melatih dan mengupayakan mereka untuk menjadi seorang *coach* yang berkesan dan meningkatkan kefahaman mereka terhadap kepimpinan dan pengurusan sekolah. Seterusnya satu sesi bersama antara *SIPartner* dan pemimpin sekolah dalam band enam (6) dan tujuh (7) diadakan secara berpusat yang bertujuan untuk memberi kefahaman berhubung dengan cara operasi program *SIPartner* serta menjadi tempat mula membina kepercayaan antara *SIPartner* dan pemimpin sekolah.

SIPartner akan mengumpul seberapa banyak maklumat yang diperlukan bagi melaksanakan sesi *coaching* semasa lawatan bimbingan selepas ini. Seterusnya beberapa siri lawatan bimbingan dilaksanakan di sekolah dan sesi *coaching* sepenuhnya berlaku. Refleksi pada hujung tahun bagi melihat kembali program *SIPartner* yang telah dilaksanakan dan merancang penambahbaikan seterusnya.

KEMAHIRAN *SIPartner*

Setiap *SIPartner* yang dilantik perlu memahami peranan dan tugas mereka sebagai pembimbing kepada pemimpin sekolah yang dikelompokkan dalam kumpulan sekolah berprestasi rendah. Keupayaan, kekuatan mental, fizikal, dan emosi *SIPartner* amat kritikal bagi menjamin kelestarian program ini. Antara kemahiran yang perlu dimiliki dan diperoleh secara berterusan oleh *SIPartner* ialah:

- a. Melaksanakan *Coaching* dan *Mentoring* Kepimpinan (LCM) kepada pemimpin sekolah
- b. Mengumpul dan menganalisis data – analisis punca sebab (*root cause analysis*)
- c. Membuat keputusan berdasarkan data
- d. Memilih keutamaan dalam merancang tindakan
- e. Memberi maklum balas, dan
- f. Membuat pelaporan




Gambar Rajah 4: Kerangka Proses Perancangan Komprehensif

Gambar rajah 4 menunjukkan bagaimana seorang *coach* perlu memiliki kemahiran mengumpul dan menganalisis data – analisis punca sebab (*root cause analysis*), membuat keputusan berdasarkan data serta memilih keutamaan dalam merancang tindakan. Semuanya amat diperlukan semasa melaksanakan sesi *coaching*.

PELAKSANAAN PROGRAM *SIPARTNER* 2010 – 2012

Persediaan *SIPartner*

- a. Kursus *Coaching* dan *Mentoring* Kepimpinan atau *Leadership Coaching and Mentoring* (LCM) di IAB
- b. Simulasi *Partnership Coaching* berdasarkan maklumat *School Improvement Toolkit* (SIT)
 - i. Jenis sekolah
 - ii. Lokasi sekolah
 - iii. Bilangan guru
 - iv. Bilangan Murid
 - v. Peratus Kehadiran Murid
 - vi. Prestasi Sekolah
- c. Mengelompokkan *SIPartner* berdasarkan lokasi sekolah mengikut sistem



Gambar Rajah 5: Perkaitan Antara *SIPartner* dengan Pemimpin Sekolah

Kursus *SIPartner* dengan Pemimpin Sekolah – Lawatan Bimbingan

a. Kursus/Sesi perjumpaan mengikut zon (secara berpusat).

Tujuan sesi ini adalah:

- i. Membina kepercayaan.
- ii. Penetapan matlamat dan Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicator* (KPI) sekolah berdasarkan data (Data SIT dan melalui pendekatan GROW dalam perbualan semasa sesi *coaching dan mentoring*)
- iii. Merancang tindakan sekolah dalam meningkatkan prestasi sekolah (Pelan Tindakan Jangkamasa Pendek dan Panjang)
- iv. Menyediakan laporan pelan tindakan sekolah

b. Sesi perjumpaan dan pemantauan *SIPartner* ke sekolah

- i. Bimbingan
- ii. Pemantauan tindakan pemimpin sekolah

Refleksi dan Pelaporan


a. Tujuan refleksi

- i. Mengongsi pengalaman dalam kalangan *SIPartner*
- ii. Meningkatkan ketrampilan *SIPartner* secara berterusan
- iii. Melaporkan status pelaksanaan dan penambahbaikan

b. Membincangkan dan merancang strategi penambahbaikan daripada aspek pendekatan penyelesaian masalah jangka pendek dan jangka panjang mengikut lokasi sekolah.


c. Menyediakan dan menghantar pelaporan mengikut tarikh yang ditetapkan.

CARTA ALIR PELAKSANAAN PROGRAM *SIPARTNER*




KERANGKA COACHING DAN MENTORING KEPIMPINAN SEMASA LAWATAN BIMBINGAN KE SEKOLAH

Pelaksanaan Program SIPartner adalah berdasarkan Pembangunan Profesionalisme Berdasarkan Tempat Kerja. Perbualan *coaching* antara *coach* dan *coachee* (pemimpin sekolah) adalah untuk mengupayakan *coachee* dari dalam diri *coachee* sendiri. Secara tidak langsung akan membawa kepada pembangunan organisasi hasil komitmen *coachee* berkenaan. Gambar rajah 6 menggambarkan perkaitan berkenaan.



Gambar Rajah 6: Hubungan Perbualan Coaching Dengan Pembangunan Individu dan Pembangunan Organisasi


Pelaksanaan Program SIPartner adalah berdasarkan kerangka *Leadership Coaching and Mentoring* (LCM) yang telah dibangunkan oleh Institut Aminuddin Baki pada tahun 2006 seperti pada Lampiran A. Selepas dua tahun pelaksanaan program ini usaha penambahbaikan dan pemantapan pelaksanaan program telah menghasilkan model baharu *Leadership Coaching and Mentoring* Institut Aminuddin Baki (Gambar rajah 7).



Gambar Rajah 7: Model Leadership Coaching & Mentoring (IAB, 2012)

Mulai 2012, Proses pelaksanaan Program SIPartner adalah berdasarkan kerangka *Coaching* dan *Mentoring* Kepimpinan (LCM) seperti Gambar rajah 8. Kerangka ini bermula dengan membina kepercayaan. Kepercayaan *coachee* terhadap seorang *coach* amat diperlukan bagi meneruskan hubungan perbualan dan seterusnya menjadi rakan pembimbing. Pada peringkat permulaan ini, amat

kritikal seorang *coach* mempunyai kemahiran untuk membina kepercayaan kerana besar kemungkinan akan mengambil masa.



Gambar Rajah 8: Kerangka Coaching dan Mentoring Kepimpinan (LCM)

Serentak membina kepercayaan, temu bual konteks boleh berlaku. Semasa temu bual konteks beberapa kemahiran diperlukan oleh seorang *coach*. Antaranya, kemahiran mendengar secara aktif dan menyatakan secara reflektif. Begitu juga dengan kemahiran membaca dan menganalisis data serta mencari punca sebab. Peringkat ini juga, *coach* bersama *coachee* akan mengimbang segala keupayaan *coachee* dan juga sekolah yang akan menjadi fokus dan matlamat dalam sesi *coaching* kemudian. Merujuk Gambar rajah 9, perbualan antara *coach* dan *coachee* akan menggunakan model GROW yang melibatkan empat peringkat iaitu matlamat (*goal*), realiti (*reality*), pilihan (*option*) dan menggulung (*wrap-up*). Semasa temu bual konteks, *coach* akan membuat perhatian bagi tujuan sah betul atau menentukan kesahihan maklumat, rekod, atau data yang diterima.



Gambar Rajah 9: Model GROW yang diadaptasi daripada Whitmore, S.J. (2009)

Seterusnya adalah peringkat temu bual konteks yang akan lebih berfokus. Perbualan masih menggunakan model GROW tetapi akan berkisar dalam matlamat yang telah dipersetujui. Sehingga *coachee* sendiri yang menentukan strategi atau inisiatif dan pelan tindakan yang akan dilaksanakan nanti. Dalam sesi *coaching*, *coachee* sendiri yang akan menentukan apa dan bagaimana ia perlu

lakukan. Pelaksanaan adalah peringkat apabila *coachee* melaksanakan pelan tindakan dalam tempoh masa tertentu.


Seperti yang telah dipersetujui, pemerhatian berikutnya akan dilakukan oleh *coach* bagi melihat sejauh manakah pelan tindakan telah dilaksanakan. Di sini, kemahiran memberi maklum balas akan digunakan. *Coach* akan memberi maklum balas deskriptif berkaitan pelan tindakan yang telah dilaksanakan, bukannya menilai. Setelah *coach* memberi maklum balas deskriptif, *coachee* diberi peluang untuk memberi maklum balas penilaian tentang perkara yang telah diperhatikan oleh *coach*. Akhirnya, peringkat ketika penilaian bersama-sama dibuat, sama ada matlamat yang baharu perlu dicari atau diubah suai. Kejayaan sesi coaching, bergantung kepada disiplin diri yang ada dalam *coach* atau *coachee*.

PELAKSANAAN DAN PENCAPAIAN

Setiap tahun, beberapa aktiviti telah berjalan bagi menjayakan program *SIPartner* dan memastikan kelangsungannya. Jadual di bawah menunjukkan aktiviti yang berjalan pada setiap tahun. Setiap tahun, *SIPartner* akan melawat sekolah sebanyak tiga kali setahun bagi melaksanakan LCM.


Aktiviti	Bulan Pelaksanaan
Bengkel Kerja Pemantapan <i>SIPartner</i>	Januari
Lawatan ke Sekolah Kali Pertama	Februari - Mac
Lawatan ke Sekolah Kali Kedua	Mei - Jun
Lawatan ke Sekolah Kali Ketiga	Ogos - September
Mesyuarat Refleksi	Oktober
Persidangan Pembangunan Organisasi Institusi Pendidikan (<i>SIPartner</i> dan SISC)	Disember (2012)

Penetapan sekolah masuk atau keluar band enam (6) dan tujuh (7) ditentukan selepas keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) bagi sekolah rendah (SR) dan Penilaian Menengah Rendah atau Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Tinggi Persekolahan bagi sekolah menengah (SM).




Gambar Rajah 10: Graf Jumlah Sekolah Rendah (SR) Dalam Band 6 & 7 dan Keluar Band Tahun 2010 – 2012.

Setelah dua tahun pelaksanaan program *SIPartner*, Gambar rajah 10 menunjukkan SR yang masih berada dalam band 6 & 7 dan keluar band tahun 2010 – 2012. Graf menunjukkan hampir 50 peratus SR telah keluar band 6 dan 7 pada tahun 2010 dan 2011.




Gambar Rajah 11: Graf Peratus Sekolah Rendah (SR) Dalam Band 6 & 7 dan Keluar Band Tahun 2010 – 2012.

Gambar rajah 11 pula menunjukkan peratus SR dalam band 6 dan 7, sasaran dan keluar band berdasarkan jumlah SR seluruh negara (7723 buah).



Gambar Rajah 12: Graf Jumlah Sekolah Menengah (SM) Dalam Band 6 & 7 dan Keluar Band Tahun 2010 – 2012.


Gambar rajah 12 menunjukkan SM yang masih berada dalam band 6 dan 7 dan keluar band tahun 2010 – 2012. Graf menunjukkan hampir 50 peratus SM telah keluar band 6 dan 7 pada tahun 2010 dan 2011.



Gambar Rajah 13: Graf Peratus Sekolah Menengah (SM) Dalam Band 6 & 7 dan Keluar Band Tahun 2010 – 2012.

Gambar rajah 13 pula menunjukkan peratus SM dalam band 6 dan 7, sasaran dan keluar band berdasarkan jumlah SM seluruh negara sehingga tahun 2011 (2296 buah).

SIPartner memainkan peranan yang amat penting dalam program SIP. Sepanjang program SIP berlangsung empat (4) kumpulan pegawai terlibat yang terdiri daripada pegawai Institut Aminuddin Baki (IAB) sendiri, Pengetua Cemerlang (PC), pegawai Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan juga pegawai Kementerian Pelajaran Negeri (KPM). *SIPartner* ini yang akan menerima latihan kemahiran *Coaching* dan *Mentoring* Kepimpinan sebelum mereka bergerak ke sekolah-sekolah.



Gambar Rajah 14: Taburan *SIPartner* yang Terlibat Dalam Program *SIPartner*

Gambar rajah 14 menunjukkan jumlah *SIPartner* yang terlibat sepanjang program dilaksanakan. Pada peringkat awal pelaksanaan program, 308 *SIPartner* di 637 buah SR dan SM telah melaksanakan tugas mereka. Pada tahun 2012, 215 *SIPartner* masih terlibat di 285 buah SR dan SM.

**TABURAN PENGLIBATAN DAN PENCAPAIAN SEKOLAH
DALAM PROGRAM SIPARTNER TAHUN 2010**

KK - KEKAL; MS - MASUK; JUM - JUMLAH; KL - KELUAR; BK - BAKI

		BAND 6 & 7 SR 2010					BAND 6 & 7 SM 2010					JUMLAH BESAR KEKAL	JUMLAH BESAR MASUK	JUMLAH BESAR SEBENAR	JUMLAH BESAR KELUAR	JUMLAH DIBAWA KE 2011
		KK	MS	JUM	KL	BK	KK	MS	JUM	KL	BK					
1	JOHOR		5	5	5		9	9	9	9		14	14	9	9	5
2	KEDAH		3	3	1	2	52	52	28	24		55	55	29	29	26
3	KELANTAN		13	13	5	8	26	26	13	13		39	39	18	18	21
4	MELAKA						5	5	5			5	5	5	5	5
5	NEGERI SEMBILAN		3	3	2	1	20	20	12	8		23	23	14	14	9
6	PAHANG		15	15	4	11	17	17	15	2		32	32	19	19	13
7	PERAK		30	30	8	22	65	65	25	40		95	95	33	33	62
8	PERLIS						9	9	2	7		9	9	2	2	7
9	PULAU PINANG		2	2	2		43	43	16	27		45	45	16	16	29
10	SABAH		114	114	63	51	79	79	28	51		193	193	91	91	102
11	SARAWAK		13	13	6	7	51	51	25	26		64	64	31	31	33
12	SELANGOR		6	6	3	3	29	29	16	13		35	35	19	19	16
13	TERENGGANU		4	4	1	3	13	13	10	3		17	17	11	11	6
14	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR		1	1	1		10	10	5	5		11	11	5	5	6
15	WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN															
16	WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA															
	JUMLAH		209	209	93	116	428	428	209	219		637	637	302	302	335

**TABURAN PENGLIBATAN DAN PENCAPAIAN SEKOLAH
DALAM PROGRAM SIPARTNER TAHUN 2011**

KK - KEKAL; MS - MASUK; JUM - JUMLAH; KL - KELUAR; BK - BAKI

		BAND 6 & 7 SR 2011						BAND 6 & 7 SM 2011						JUMLAH BESAR MASUK	JUMLAH BESAR SEBENAR	JUMLAH BESAR KELUAR	JUMLAH DIBAWA KE 2012
		KK	MS	JUM	KL	BK	KK	MS	JUM	KL	BK	KK	MS	JUM	KL	BK	
1	JOHOR	5	1	6	3	3	4	4	4	4	4	5	5	5	10	7	3
2	KEDAH	2	1	3	2	1	24	1	25	15	10	26	2	28	28	17	11
3	KELANTAN	8	8	5	3	13	13	6	7	21				21	11	10	
4	MELAKA																
5	NEGERI SEMBILAN	1	1	2	1	1	8	1	9	5	4	9	2	11	6	5	
6	PAHANG	11	1	12	3	9	2	1	3	1	2	13	2	15	4	11	
7	PERAK	22	3	25	6	19	40	3	43	19	24	62	6	68	25	43	
8	PERLIS						7		7	4	3	7		7	4	3	
9	PULAU PINANG	2		2	1	1	27	4	31	9	22	29	4	33	10	23	
10	SABAH	51	16	67	41	26	51	4	55	12	43	102	20	122	53	69	
11	SARAWAK	7	1	8	4	4	26	3	29	9	20	33	4	37	13	24	
12	SELANGOR	3		3	2	1	13	3	16	7	9	16	3	19	9	10	
13	TERENGGANU	3		3	1	2	3		3	3		6		6	4	2	
14	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	1		1		1	5		5	4	1	6		6	4	2	
15	WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN																
16	WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA																
	JUMLAH	116	24	140	69	71	219	24	243	98	145	335	48	383	167	216	

**TABURAN PENGLIBATAN DAN PENCAPAIAN SEKOLAH
DALAM PROGRAM SIPARTNER TAHUN 2012**

KK - KEKAL; MS - MASUK; JUM - JUMLAH; KL - KELUAR; BK - BAKI

		BAND 6 & 7 SR 2012					BAND 6 & 7 SM 2012					JUMLAH BESAR MASUK	JUMLAH BESAR SEBENAR	JUMLAH BESAR KELUAR	JUMLAH DIBAWA KE 2013
		KK	MS	JUM	KL	BK	KK	MS	JUM	KL	BK				
1	JOHOR	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	6	6
2	KEDAH	1	1	2	2	10	10	20	20	11	11	22	22		
3	KELANTAN	3	2	5	5	7	3	10	10	10	5	15	15	15	
4	MELAKA						1	1	1	1	1	1	1	1	1
5	NEGERI SEMBILAN	1	1	1	4	3	7	7	7	5	5	3	8	8	
6	PAHANG	9	3	12	12	2	2	4	4	4	11	5	16	16	
7	PERAK	19	1	20	20	24	5	29	29	43	6	49	49		
8	PERLIS						3	3	3	3	3	3	3	3	3
9	PULAU PINANG	1	1	1	22	1	23		23	23	1	24	24	24	
10	SABAH	26	9	35	35	43	7	50	50	69	16	85	85		
11	SARAWAK	4	4	4	20	10	30	30	30	24	10	34	34		
12	SELANGOR	1	2	3	3	9	2	11	11	10	4	14	14		
13	TERENGGANU	2		2	2	3	3	3	3	2	3	5	5		
14	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	1	1	2	2	1	1	1	1	2	1	3	3	3	
15	WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN														
16	WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA														
	JUMLAH	71	19	90	90	145	50	195	195	216	69	285	285		

TABURAN PENGLIBATAN S/PARTNER 2010 - 2012

		S/PARTNER 2010						S/PARTNER 2011						S/PARTNER 2012					
		IAB	TF	JPN	PC	JUM	IAB	TF	JPN	PC	JUM	IAB	TF	JPN	PC	JUM			
1	JOHOR					2	2												
2	KEDAH			2	7	9				6	6					5	5		
3	KELAJANTAN					8	8				5	5				4	4		
4	MELAKA																		
5	NEGERI SEMBILAN			3	3						2	2							
6	PAHANG		1	1															
7	PERAK		2	13	15			1	9	10				1	5	6			
8	PERLIS		1	2	3			1	1	2				1	1	2			
9	PULAU PINANG		2	8	10			1	6	7				1	4	5			
10	SABAH			18	18			1	13	14				12	12				
11	SARAWAK		1	13	14			10	10					8	8				
12	SELANGOR		1	5	6			3	3					2	2				
13	TERENGGANU		1	4	5			2	2										
14	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR		2		2			1		1									
15	WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN																		
16	WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA		7		7			3		3		1		1					
	IAB INDUK		155		155	134				134	133			133					
	IAB UTARA		30		30	28				28	21			21					
	IAB TENGAH		1			1	1			1									
	IAB TIMUR		7			7	7			7	7			7					
	IAB SELATAN		6			6	8			8	5			5					
	IAB SABAH		3			3	2			2	1			1					
	IAB SARAWAK		3			3	3			3	3			3					
	JUMLAH	205	7	13	83	308	183	3	5	57	248	170	1	3	41	215			

PELAPORAN

Bagi memudahkan pemantauan perlaksanaan program ini dilaksanakan, IAB telah membangunkan dua (2) sistem dalam talian bertujuan untuk mengumpul data. Sistem ini ialah Sistem Pemantauan SIP yang boleh dicapai di URL <http://aplikasi.iab.edu.my/sip> dan Instrument Amalan Kepimpinan (InstrAK) di URL <http://aplikasi.iab.edu.my/skksm>.

Sebelum lawatan dilakukan oleh *SIPartner*, pemimpin sekolah dikehendaki untuk mengisi Instrument Amalan Kepimpinan (InstrAK) secara dalam talian. Rumusan daripada insrumen ini dapat memberi gambaran kepada *SIPartner* berhubung profil amalan kepimpinan pemimpin sekolah yang mereka lawati bagi membolehkan mereka menjuruskan perbincangan kepada bidang amalan kepimpinan yang boleh dipertingkatkan.

Instrumen Amalan Kepimpinan (InstrAK)



Laman Utama

Profil

SKKSM

Rumusan

Logout

630202107727

S K K S M	Tarikh data: 09/02/2012 <div style="display: flex; justify-content: space-between;"> Tarikh Baru Skala: Tidak Mengamalkan < 1 2 3 4 5 > Sentiasa Mengamalkan </div>	
Sejauh manakah anda mengamalkan amalan-amalan kepimpinan berikut:		Skala
Menterjemah dan mengaplikasikan dasar, perundangan dan trend tempatan, kebangsaan dan global dalam pengurusan organisasi.		<input type="radio"/> 1 <input type="radio"/> 2 <input type="radio"/> 3 <input checked="" type="radio"/> 4 <input type="radio"/> 5
Memastikan pengurusan organisasi berteraskan prinsip pengurusan organisasi berkesan.		<input type="radio"/> 1 <input type="radio"/> 2 <input type="radio"/> 3 <input checked="" type="radio"/> 4 <input type="radio"/> 5
Menjana visi dan misi organisasi.		<input type="radio"/> 1 <input type="radio"/> 2 <input type="radio"/> 3 <input checked="" type="radio"/> 4 <input type="radio"/> 5
Merancang dan melaksanakan strategi dengan berkesan.		<input type="radio"/> 1 <input type="radio"/> 2 <input type="radio"/> 3 <input checked="" type="radio"/> 4 <input type="radio"/> 5
Menggunakan maklumat, dapatan kajian, pendekatan dan teknologi terkini dalam pengurusan organisasi.		<input type="radio"/> 1 <input type="radio"/> 2 <input type="radio"/> 3 <input checked="" type="radio"/> 4 <input type="radio"/> 5
Menghayati dan memupuk budaya menurut ilmu sepanjang hayat melalui program-program terancang.		<input type="radio"/> 1 <input type="radio"/> 2 <input type="radio"/> 3 <input checked="" type="radio"/> 4 <input type="radio"/> 5
Membawa dan melaksanakan perubahan dengan mengambil kira teori perubahan, amalan semasa dan tuntutan akan datang.		<input type="radio"/> 1 <input type="radio"/> 2 <input type="radio"/> 3 <input checked="" type="radio"/> 4 <input type="radio"/> 5
Menjalankan penilaian dan penambahbaikan pengurusan organisasi menggunakan instrumen terkini seperti Standard Kualiti Pendidikan Malaysia.		<input type="radio"/> 1 <input type="radio"/> 2 <input type="radio"/> 3 <input checked="" type="radio"/> 4 <input type="radio"/> 5
Membina dasar kurikulum sekolah berlandaskan Dasar Pendidikan Negara, Kurikulum Kebangsaan, undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan serta perkembangan terkini.		<input type="radio"/> 1 <input type="radio"/> 2 <input checked="" type="radio"/> 3 <input type="radio"/> 4 <input type="radio"/> 5
Memastikan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan berdasarkan prinsip dan peraturan.		<input type="radio"/> 1 <input type="radio"/> 2 <input type="radio"/> 3 <input checked="" type="radio"/> 4 <input type="radio"/> 5
Melaksanakan strategi untuk meningkatkan prestasi kurikulum.		<input type="radio"/> 1 <input type="radio"/> 2 <input type="radio"/> 3 <input checked="" type="radio"/> 4 <input type="radio"/> 5

Sebaik selesai melakukan lawatan, setiap S/Partner perlu memasukkan ke dalam sistem maklumat hasil sesi perbincangan yang telah mereka lakukan. Data ini kemudian akan dianalisis bagi membolehkan rumusan dibuat berhubung masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah SIP. Gabungan hasil analisis daripada kedua-dua sistem ini juga berupaya mengenal pasti ruang penambahbaikan dalam amalan kepimpinan pemimpin sekolah yang boleh digunakan oleh S/Partner untuk meningkatkan lagi ketrampilan mereka meneraju sekolah ke arah yang lebih baik.

8.0 SENARAI SEKOLAH TERLIBAT

BUJUH	2010	2011	2012	KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH	NEGERI	PPD	NAMA SIPARTNER	JAWATAN SIPARTNER
SEKOLAH RENDAH									
1		1	R	ABA0013	SK BATU TUJUH	PERAK	PPD BATANG PADANG	EN HAZLAN BIN ALI	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
2	1	1	R	ABA0034	SK BATU 14	PERAK	PPD BATANG PADANG	EN ISHAK BIN IBRAHIM	PENSYARAH KANAN IAB TENGAH
3	1	1	R	ABA0123	SK POS BERSIH	PERAK	PPD BATANG PADANG	EN ELHAMMI BIN HJ AHMAD	PENSYARAH KANAN IAB TENGAH
4	1	1	R	ABA0124	SK POS TENAU	PERAK	PPD BATANG PADANG	EN ROSLI BIN MD RADZI	PENSYARAH KANAN IAB UTARA
5	1	1	R	ABA0125	SK POS GEDONG	PERAK	PPD BATANG PADANG	EN ROSLI BIN MD RADZI	PENSYARAH KANAN IAB UTARA
6	1	1	R	ABA0126	SK KAMPUNG SENTA	PERAK	PPD BATANG PADANG	EN ROSLI BIN MD RADZI	PENSYARAH KANAN IAB UTARA
7	1	1	R	ABA0128	SK JERNANG	PERAK	PPD BATANG PADANG	EN SHAHRIN BIN ALIAS	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
8	1		R	ABA0207	SK ULU GERUNTUM	PERAK	PPD KINTA SELATAN	EN MOHAMED BIN MAHMOD	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
9	1	1	R	ABA2044	SR PENDIDIKAN KHAS IPOH	PERAK	PPD KINTA UTARA	EN NASARUDIN BIN PANDAK	PENSYARAH KANAN IAB UTARA
10	1	1	R	ABA2047	SK POS RAYA	PERAK	PPD KINTA UTARA	EN NASARUDIN BIN PANDAK	PENSYARAH KANAN IAB UTARA
11		1	R	ABA2048	SK POS DIPANG	PERAK	PPD KINTA SELATAN	EN MOHAMED BIN MAHMOD	PENSYARAH KANAN IAB INDUK

BIL	2010	2011	2012	NAMA SEKOLAH	NEGERI	PPD	NAMA SIPARTNER	JAWATAN SIPARTNER
12	1	1	R	KOD SEKOLAH ABA2049	SK SERI TANJUNG	PPD KINTA UTARA	EN NASARUDIN BIN PANDAK	PENSYARAH KANAN IAB UTARA
13	1	1	1	R	SK CHENEIN	PERAK	PPD KUALA KANGSAR	EN RAHIMI BIN ABDUL MAJID
14	1	1	R	ABA4049	SK POS POI	PPD KUALA KANGSAR	EN IZANI BIN IBRAHIM	PENSYARAH KANAN IAB UTARA
15	1	1	1	R	ABA4050	SK POS PERWOR	PPD KUALA KANGSAR	EN RAHIMI BIN ABDUL MAJID
16	1	1	1	R	ABA4051	SK POS LEGAP	PPD KUALA KANGSAR	EN AMRAN BIN HJ MAHADI
17	1	1	R	ABA4052	SK POS PIAH	PPD KUALA KANGSAR	EN AMRAN BIN HJ MAHADI	PENSYARAH KANAN IAB UTARA
18	1	1	1	R	ABA4053	SK KAMPUNG KENANG	PPD KUALA KANGSAR	EN AMRAN BIN HJ MAHADI
19	1	1	1	R	ABA4054	SK POS KUALA MU	PPD KUALA KANGSAR	EN RAHIMI BIN ABDUL MAJID
20	1	1	R	ABA4055	SK POS SUNGAI PELANTOK	PPD KUALA KANGSAR	EN RAHIMI BIN ABDUL MAJID	PENSYARAH KANAN IAB UTARA
21	1	1	1	R	ABA7036	SK RPS POS KEMAR	PPD HULU PERAK	DR SAZALI BIN MOHD YUSOF
22	1	1	1	R	ABA7037	SK RPS BANUN	PPD HULU PERAK	DR SAZALI BIN MOHD YUSOF
23	1	1	1	R	ABA7038	SK RPS DALA	PPD HULU PERAK	DR SAZALI BIN MOHD YUSOF
24	1	1	1	R	ABA7039	SK SUNGAI TIANG	PPD HULU PERAK	DR WAN ZAWAWI BIN WAN ISMAIL
25	1		R	ABA8248	SK SUNGAI PERAH	PPD PERAK TENGAH	EN MOHAMED BIN MAHMUD	PENSYARAH KANAN IAB INDUK

BIL	2010	2011	2012	KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH	NEGERI	PPD	NAMA SIPARTNER	JAWATAN SIPARTNER
26		1	R	ABC5098	SJK(C) YEE HWA	PERAK	PPD HILIR PERAK	EN MUHAMMAD SAUKI BIN RAZALI	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
27	1		R	ABC6081	SJK(C) UNION	PERAK	PPD LARUT / MATANG / SELAMA	EN LAU SWEE MUN @ LIEW SWEE MUN	PC SMIK JALAN PASIR PUTEH
28	1		R	ABC6086	SJK(C) POAY CHEE	PERAK	PPD LARUT / MATANG / SELAMA	EN YONG CHEE KEN	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
29	1	1	R	ABC6094	SJK(C) AIK HUA	PERAK	PPD LARUT / MATANG / SELAMA	EN YONG CHEE KEN	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
30	1		R	ABC6096	SJK(C) CHI SHENG (2)	PERAK	PPD LARUT / MATANG / SELAMA	EN YONG CHEE KEN	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
31	1		R	ABC6097	SJK(C) REDANG PANJANG	PERAK	PPD LARUT / MATANG / SELAMA	PN YOONG YOOK YAM	PC SMIK ST GEORGE
32	1	1	R	ABC7037	SJK(C) KUNG LI	PERAK	PPD HULU PERAK	EN MUHAMMAD SAUKI BIN RAZALI	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
33	1		R	ABD0106	SJK(T) LADANG BANOPDANE	PERAK	PPD BATANG PADANG	DR FATIMAH BINTI THAMBI	TASK FORCE SIP - PENOLONG PENGARAH BPG
34	1		R	ABD4111	SJK(T) LADANG SUNGAI BIONG	PERAK	PPD KUALA KANGSAR	EN RAHIMI BIN ABDUL MAJID	PENSYARAH KANAN IAB UTARA
35	1		R	BBA0020	SK (ASLI) BUKIT REMANDOL	SELANGOR	PPD KLANG	EN VASU ALI MUNIANDY	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
36	1	1	R	BBA1012	SK SG BUMBUN (JHEA)	SELANGOR	PPD KUALA LANGAT	TN SYED PUTRA BIN SYED ALI	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
37	1	1	R	BBA8245	SK PENDIDIKAN KHAS SELANGOR	SELANGOR	PPD PETALING PERDANA	DR NORLUZA BT ZAKUAN	TASK FORCE SIP - NKRA
38		1	R	BBA9215	SK SG MELUT (ASLI)	SELANGOR	PPD SEPANG	PN ROSNANI BINTI KAMARUDIN	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
39	1		R	BBC5024	SJK(C) BKT TANGGA	SELANGOR	PPD KUALA SELANGOR	DR NORLUZA BT ZAKUAN	TASK FORCE SIP - NKRA

Program SIPartner: Pelaksanaan Program Pembangunan Prestasi Sekolah 2010-2012

BIL	2010	2011	2012	KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH	NEGERI	PPD	NAMA SIPARTNER	JAWATAN SIPARTNER
40		1	R	SJK(C) PHOOI MIN BBC6037	SJK(C) PHOOI MIN	SELANGOR	PPD SABAK BERNAM	PN NORZILAH BINTI ABDULLAH	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
41	1		R	BB0062	SJK(T) LADANG BUKIT RAJAH	SELANGOR	PPD KLANG	EN VASU ALI MUNANDY	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
42	1	1	R	BBB8464	SJK(T) LADANG NORTH HUMMOCK	SELANGOR	PPD KLANG	TN SYED PUTRA BIN SYED ALI	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
43	1	1	R	CBA1002	SK TELANOK (JHEOA)	PAHANG	PPD CAMERON HIGHLANDS	EN ABDUL RAZAK BIN ALIAS	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
44	1	1	R	CBA1003	SK LEMOI (JHEOA)	PAHANG	PPD CAMERON HIGHLANDS	PN NOR EZAH BT JAMALUDIN	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
45	1	1	R	CBA1004	SK MENSON (JHEOA)	PAHANG	PPD CAMERON HIGHLANDS	EN ABDUL RAZAK BIN ALIAS	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
46	1	1	R	CBA3056	SK KUALA KOYAN (JHEOA)	PAHANG	PPD LIPIS	EN ABDUL JAMIL BIN SULAIMAN	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
47	1	1	R	CBA3057	SK TTOM (JHEOA)	PAHANG	PPD LIPIS	EN ABDUL JAMIL BIN SULAIMAN	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
48	1	1	R	CBA3058	SK LENANG (JHEOA)	PAHANG	PPD LIPIS	EN ABDUL JAMIL BIN SULAIMAN	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
49	1	1	R	CBA3059	SK RPS BETAU (JHEOA)	PAHANG	PPD LIPIS	EN ABDUL JAMIL BIN SULAIMAN	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
50	1	1	R	CBA3060	SK SENDERUT (JHEOA)	PAHANG	PPD LIPIS	EN SALLEHDIN BIN AB. TALIB	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
51	1	1	R	CBA3061	SK LANAI (JHEOA)	PAHANG	PPD LIPIS	EN ABDUL RAZAK BIN ALIAS	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
52		1	R	CBA4082	SK PENDIDIKAN KHAS KUANTAN	PAHANG	PPD KUANTAN	PN HALIJAH BINTI RIFFIN	PENSYARAH KANAN IAB SELATAN
53		1	R	CBA4087	SK SG. MAS (JHEOA)	PAHANG	PPD KUANTAN	EN TAN BICHIK BIN MD DAHAN	PENSYARAH KANAN IAB INDUK

BIL	2010	2011	2012	KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH	NEGERI	PPD	PPD RAUB	NAMA SIPARTNER	JAWATAN SIPARTNER
54	1	1	1	R	CBA012	SK KEDAIK	PAHANG	PPD ROMPIN	EN YAHAYA BIN MOHAMED	PENSYARAH KANAN IAB SELATAN
55	1			R	CBA001	SK BUKIT GEMURUH (JHEOA)	PAHANG	PPD BERIA	-	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
56	1			R	CBC0031	SJK(C) KHENG CHEE	PAHANG	PPD BENITONG	EN YAHAYA BIN MOHAMED	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
57	1			R	GBC5065	SJK(C) KEE WHA	PAHANG	PPD PEKAN	DR NORAZIAH BINTI ABDUL AZIZ	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
58		1	R	GBC5066	SJK(C) YOKE HWA	PAHANG	PPD PEKAN	EN SHAIFULAZIZI SUKRI BIN MOHD KASSIM	PENSYARAH KANAN IAB INDUK	
59	1	1	R	GBCA086	SJK(C) KEMASUL	PAHANG	PPD PEKAN	EN SAUFIE BIN ABDUL MANAF	PENSYARAH KANAN IAB INDUK	
60	1	1	R	GBCA086	SJK(C) KEMASUL	PAHANG	PPD BERIA	EN YAHAYA BIN MOHAMED	PENSYARAH KANAN IAB INDUK	
61	1		R	GBCD1014	SJK(T) LADANG BOH (2)	PAHANG	PPD CAMERON HIGHLANDS	EN SANMUGAM A/L EHANBARAM	PENSYARAH KANAN IAB INDUK	
62	1		R	DBA3437	SK PENDIDIKAN KHAS KELANTAN	KELANTAN	PPD PASIR MAS	EN ISMAIL BIN A. KARIM	PENSYARAH KANAN IAB TIMUR	
63	1		R	DBA7411	SK PASIR LINGGI	KELANTAN	PPD GUA MUSANG	EN ISMAIL BIN A. KARIM	PENSYARAH KANAN IAB TIMUR	
64	1	1	1	R	DBA8015	SK KUALA BETIS	KELANTAN	PPD GUA MUSANG	EN OTHMAN BIN MOHAMED	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
65	1	1	R	DBA8025	SK BALAR	KELANTAN	PPD GUA MUSANG	EN MOHD SHAHRUL ZA BIN ISMAIL	PENSYARAH KANAN IAB INDUK	
66	1	1	R	DBA8026	SK TOHOI	KELANTAN	PPD GUA MUSANG	EN OTHMAN BIN MOHAMED	PENSYARAH KANAN IAB INDUK	
67	1		R	DBA8027	SK PULAT	KELANTAN	PPD GUA MUSANG	EN NABIHIAH BINTI MOHD SALLEH	PENSYARAH KANAN IAB INDUK	

Program S/Partner: Pelaksanaan Program Pembangunan Prestasi Sekolah 2010-2012

BIL	2010	2011	2012	KOD SEKOLAH DBA8028	NAMA SEKOLAH SK SRI PERMAI (JHEOA)	NEGERI KELANTAN	PPD PPD GUIA MUSANG	PPD PPD GUIA MUSANG	NAMA S/PARTNER EN NIK MAT BIN BERAHIM	JAWATAN S/PARTNER PENSYARAH KANAN IAB TIMUR
68	1	1	R	DBA8029	SK KULAJA LAH	KELANTAN	PPD PPD GUIA MUSANG	PPD PPD GUIA MUSANG	-	PENSYARAH KANAN IAB INDUK
69	1	1	1	R	DBA8030	KHENDROP	KELANTAN	PPD PPD GUIA MUSANG	EN NIK MAT BIN BERAHIM SALLEH	PENSYARAH KANAN IAB TIMUR
70	1	1	R	DBA8031	SK POS BROOKE	KELANTAN	PPD PPD GUIA MUSANG	PN NABIHAH BINTI MOHD	PENSYARAH KANAN IAB INDUK	PENSYARAH KANAN IAB TIMUR
71	1	1	R	DBA8032	SK BLAU	KELANTAN	PPD PPD GUIA MUSANG	PN NIK MAT BIN BERAHIM	PENSYARAH KANAN IAB INDUK	TASK FORCE S/P - PENOLONG PENGARAH JNK
72	1	1	R	DBA8033	SK BIHAI	KELANTAN	PPD PPD GUIA MUSANG	PN WANITA BINTI WARI	PENSYARAH KANAN IAB INDUK	TASK FORCE S/P - PENOLONG PENGARAH JNK
73	1	1	R	DBA8034	SK SUNGAI RUAL	KELANTAN	PPD PPD GUIA MUSANG	PN WANITA BINTI WARI	PENSYARAH KANAN IAB INDUK	TASK FORCE S/P - PENOLONG PENGARAH JNK
74	1	1	R	DBA9014	SK PENDIDIKAN KHAS BATU PAHAT (P)	KELANTAN	PPD PPD JELI	EN NIK MAT BIN BERAHIM SITI ZAINUN BINTI ZAINUDIN	PENSYARAH KANAN IAB INDUK	PENSYARAH KANAN IAB SELATAN
75	1	1	R	JBA0093	SK PENDIDIKAN KHAS BATU PAHAT (P)	JOHOR	PPD PPD BATU PAHAT	PN SHARIFAH NOR BINTI SYED ABD RAHMAN	PENSYARAH KANAN IAB SELATAN	PENSYARAH KANAN IAB SELATAN
76	1	1	R	JBA1033	SK LADANG PENDAS	JOHOR	PPD PPD JOHOR BAHRU	EN CHEW HOOK LIONG	PENSYARAH KANAN IAB SELATAN	PENSYARAH KANAN IAB SELATAN
77	1	1	R	JBA1062	SK PENDIDIKAN KHAS JOHOR BAHRU	JOHOR	PPD PPD JOHOR BAHRU	EN CHEW HOOK LIONG	PENSYARAH KANAN IAB SELATAN	PENSYARAH KANAN IAB SELATAN
78	1	1	R	JBA6094	SR PENDIDIKAN KHAS MUAR (P)	JOHOR	PPD PPD MUAR	EN NURUDA BT AHMAD	CHEW HOOK LIONG NURUDA BT AHMAD	PENSYARAH KANAN IAB SELATAN
79	1	1	R	JBC7005	SJK(C)CENTRAL SITE	JOHOR	PPD PPD SEGAMAT	-	CHEW HOOK LIONG NURUDA BT AHMAD	TASK FORCE S/P - NKRA
80	1	1	R	JBD2048	SJK(I) LADANG NIYOR	JOHOR	PPD PPD KLUANG	DR QUAH CHENG SIM	QUAH CHENG SIM	PENSYARAH KANAN IAB SELATAN
81	1	1	R	KBA2087	SK PENDIDIKAN KHAS ALOR SETAR	KEDAH	PPD PPD KOTA SETAR	DR NOR ASIKIN BINTI SALLEH	NOR ASIKIN BINTI SALLEH	PENSYARAH KANAN IAB UTARA

BIL	2010	2011	2012	KOD SEKOLAH KBA3042	NAMA SEKOLAH SR PENDIDIKAN KHAS SUNGAI PATANI (P)	NEGERI KEDAH	PPD KUALA MUDA / YAN	DR	NAMA SIPARTNER NOR ASIKIN BINTI SALLEH	JAWATAN SIPARTNER PENSYARAH KANAN IAB UTARA	
82	1	1	R	KBC0047	SJK(C) POICHEE	KEDAH	PPD BALING / SIK	-	FAUDZI BIN SAAD	PENSYARAH KANAN IAB UTARA	
83		1	R	KBC0027	SJK(C) PEI ENG	KEDAH	PPD KUALA MUDA / YAN	EN	ZAMRI BIN ABU BAKAR	PENSYARAH KANAN IAB UTARA	
84	1		R	KBD5058	SJK(T) LADANG DUBLIN BHG. 7	KEDAH	PPD KULLUM / BANDAR BARU	DR	NOR ASIKIN BINTI SALLEH	PENSYARAH KANAN IAB UTARA	
